

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 19.5.2016**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah penerima Bantuan Persekolahan RM100 dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk:-

- (a) menaikkan syarat kelayakan penerima bantuan tersebut kepada kalangan keluarga yang berpendapatan RM4,000 ke bawah berikutan golongan sebegitu juga sering kali mengalami masalah kewangan terutamanya bagi mereka yang tinggal dalam kawasan bandar; dan
- (b) kriteria penerima bantuan yang layak juga diambil berdasarkan jumlah anak yang masih bers.ekolah dalam sesebuah keluarga.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan syarat kelayakan dan kriteria penerima Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan itu, pada masa kini, syarat dan kriteria yang diputuskan oleh Kerajaan kepada penerima BKAP1M untuk pelaksanaan tahun 2016 dikhususkan kepada **murid sekolah dalam kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah**. Melalui syarat ini seramai 3.5 juta murid mendapat manfaat daripada bantuan tersebut dan melibatkan peruntukan sebanyak RM350 juta.